

# N-BAC CREAM

Neomycin sulphate (0.50% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan N-bac
2. Bagaimana N-bac berfungsi
3. Sebelum menggunakan N-bac
4. Cara menggunakan N-bac
5. Semasa menggunakan N-bac
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan N-bac
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan N-bac

Ia digunakan untuk rawatan jangkitan kulit oleh bakteria seperti staphylococci dan organisma yang sensitif kepada antibiotic neomycin.

## Bagaimana N-bac berfungsi

Neomycin sulphate ialah sejenis antibiotik yang berkesan untuk banyak jenis bakteria Gram -ve. dan staphylococcus. Ia tidak berkesan terhadap bakteria Pseudomonas sp.

## Sebelum menggunakan N-bac

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika mempunyai alahan terhadap neomycin sulphate atau ramuan lain N-bac.

### - Sebelum menggunakan N-bac

Penggunaan neomycin sulphate pada kulit dengan luka yang luas dan gegendang telinga rosak mungkin mengakibatkan kepekakan. Penggunaan jangka masa panjang perlu dielakkan kerana ia akan mengakibatkan kulit menjadi sensitif. Rintangan penggunaan neomycin juga menyebabkan rintangan terhadap antibiotik kanamycin, framycetin dan gentamicin pernah dilaporkan.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain

## Cara menggunakan N-bac

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapu pada bahagian kulit berkenaan 2 - 3 kali sehari.

### - Bila perlu digunakan

Sentiasa menggunakan N-bac mengikut arahan doktor anda. Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti.

### - Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda teringat.

### - Jika menggunakan berlebihan(terlebih dos)

Jika guna berlebihan, hubungi doktor anda, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Kerosakan pada telinga dan buah pinggang berlaku jika neomycin diserap dengan banyak. Rawatan: Hentikan penggunaan segera dan bilas dengan air bersih.

## Semasa menggunakan N-bac

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang anda sedang ambil.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa walaupun tanda-tanda penyakit mereka serupa, kerana mungkin mendatangkan mudarat.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau anda hamil, menjadi hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, anda tidak patut mengambil N-bac kecuali dengan arahan doktor. Doktor akan mempertimbangkan manfaat dan risiko rawatan ini atas anda dan bayi.

## Kesan-kesan sampingan

Sensitiviti silang dengan antibiotik aminoglycoside lain mungkin berlaku. Penggunaan neomycin sulphate boleh menyebabkan gerakbalas hipersensitif (kemerahan, bengkak, kegatalan atau tanda-tanda iritasi lain) yang tidak didapati sebelum rawatan. Gerakbalas hipersensitif biasanya lewat, selalu berlaku dan mungkin tidak dikesan dengan gabungan penggunaan steroid.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

[npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan N-bac

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, di bawah 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: neomycin sulphate
- Bahan bukan aktif: cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, liquid paraffin, chlorocresol, sodium citrate, citric acid dan deionised water.

### - Nombor MAL:

MAL06051290AZ

## Pengilang dan Pemegang pendaftaran keluaran

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

16/05/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)070417/00063